

Rujukan : LPJ/IP/T/1JLD6(015)

Tarikh : 14 FEBRUARI 2025

PEMAKLUMAN KEPADA JABATAN KERAJAAN BERKAITAN, OPERATOR PELABUHAN, PEMILIK TERMINAL / JETI PERSENDIRIAN, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN, PENGHANTAR FRET, PERSATUAN-PERSATUAN DAN PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN.

PERKARA: PELAKSANAAN SEPENUHNYA *MALAYSIA MARITIME SINGLE WINDOW (MMSW)* UNTUK *RELEASE 1* DAN *RELEASE 2* – MODUL *PRE-ARRIVAL NOTIFICATION (PAN)* DI JOHOR PORT BERHAD (JPB), PELABUHAN TANJUNG PELEPAS (PTP) DAN TERMINAL / JETI PERSENDIRIAN DI DALAM HAD PERAIRAN DI BAWAH KAWAL SELIA LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LPJ).

1. Adalah dimaklumkan pelaksanaan sepenuhnya *MMSW* untuk *Release 1* dan *Release 2* modul *Pre-Arrival Notification (PAN)* akan berkuat kuasa bermula **01 Mac 2025**.
2. Pelaksanaan ini berkuat kuasa sepenuhnya di Johor Port Berhad (JPB), Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan terminal / jeti persendirian di dalam had perairan di bawah kawal selia LPJ.
3. *Release 1 MMSW* melibatkan pelaksanaan modul *user registration*, *vessel profile registration*, dan *Ship Call Number (SCN) application*. *Release 2* melibatkan pelaksanaan modul *Pre-Arrival Notification (PAN)* untuk pengisytiharan sekuriti kapal di bawah kehendak *International Ship and Port Facility Security (ISPS) Code*.
4. Semua pengguna pelabuhan dikehendaki mengambil perhatian perkara berikut:
 - i. Mendaftar di dalam *MMSW* untuk mendapatkan akaun pengguna bagi melaksanakan transaksi.
 - ii. Pengguna pelabuhan / syarikat yang terlibat dengan *pilot run MMSW* bermula tarikh 17 Disember 2024 yang lepas dikehendaki kekal melaksanakan transaksi ***Release 2 Ship Clearance Module*** melibatkan peranan Jabatan Kerajaan untuk transaksi ketibaan dan pelepasan kapal.
 - iii. Bagi transaksi di *Johor Container Terminal (JCT)* JPB, permohonan *SCN* di dalam *MMSW* hendaklah dilaksanakan berdasarkan peruntukan *window* sedia ada iaitu **lima (5) hari sebelum ketibaan kapal**.
 - iv. Pautan laman sesawang *MMSW* : <https://www.mmsw.gov.my>

5. Fungsi permohonan SCN dan pengisytiharan sekuriti kapal di dalam sistem eGateway LPJ akan **ditamatkan bermula tarikh 01 Mac 2025**.
6. Berikut adalah maklumat khidmat bantuan bagi *MMSW*:
 - i. Hotline: 1-300-133-133
 - ii. Talian aplikasi *whatsapp*: 010-4475838.
 - iii. E-mel: mmsw_support@dagangnet.com

Sekian, terima kasih.

MALAYSIA MADANI

PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN

MALAYSIA'S SOUTHERN GATEWAY-GROWING BEYOND BORDERS

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR,
Jalan Mawar Merah 2,
Pusat Perdagangan Pasir Gudang 2,
81700 Pasir Gudang,
Johor.
Tel: +6072534000
Laman web: <https://www.lpj.gov.my>

No. dokumen: 2500376



**LEMBAGA PELABUHAN
JOHOR**